

15 APR 2002  
PBA-AIR/I  
KUMPULAN PBA INTAI PROJEK AIR LUAR PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- PBA Holdings Bhd kini meninjau peluang untuk mengadakan projek usaha sama bagi bekalan air di luar Pulau Pinang sehingga ke pasaran luar negara termasuk projek pembekalan air dalam usahanya untuk memperluaskan asas perolehanya.

Dua bakal pelanggan dari China telah menyatakan minat dengan syarikat pembekalan air yang berpangkalan di Pulau Pinang yang akan disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada Khamis ini, kata Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, pengerusinya dan juga Ketua Menteri Pulau Pinang, hari ini.

Beliau berkata kumpulan berkenaan untuk mengadakan usaha sama, kerja-kerja perundingan dan sistem pemasaran di pasaran seberang laut.

Namun begitu, kumpulan PBA akan terus memberi tumpuan kepada tanggungjawab utamanya iaitu membekalkan air yang berkualiti dan mampu di Pulau Pinang, katanya kepada Bernama semasa dihubungi melalui telefon sebelum berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Dr Koh merupakan antara 16 anggota delegasi terdiri daripada menteri-menteri kabinet, pegawai kerajaan dan tokoh korporat, yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan kerja selama seminggu ke Mahgribi, Libya dan Bahrain.

Dr Koh berkata syarikat berkenaan juga sedang meninjau rakan kongsi teknikal dan kewangan yang sesuai untuk mendapatkan projek-projek bekalan air dan usaha sama di luar Pulau Pinang.

"Pada masa yang sama, kami akan secara aktif mendapatkan dan meneruskan cara luar yang baru untuk perolehan bagi memenuhi harapan pemegang saham," kata beliau.

Keuntungan kumpulan PBA selepas cukai (PAT) bagi sembilan bulan yang berakhir pada September 2001 ialah RM41.424 juta.

Dr Koh berkata keuntungan selepas cukai bagi 2001 akan mencecah RM50 juta.

"Dengan permintaan air di pulau Pinang diunjurkan meningkat pada kadar 3.5 peratus setahun, kami menjangka peroleha naik dalam masa terdekat.

"Bagaimanapun, Kumpulan PBA akan melangkaui sempadan Pulau Pinang bagi mencapai perolehan yang lebih baik untuk dikongsi bersama dengan pemegang saham," kata Dr Koh. "Walaupun kami yakin dengan kemampuan kami, kami masih mencari rakan kongsi bagi memastikan kejayaan."

Beliau berkata lembaga pengarah PBA seharusnya mengadakan prinsip-prinsip asas, strategi, kriteria dan rangka kerja prosedur untuk usaha sama luar.

Pada April, 2002, Naib Menteri China bagi Sumber Air, Liu Guanghe, telah melawat empangan Teluk Bahang di Pulau Pinang.

Selepas lawatan berkenaan, Liu menyatakan hasrat kementeriannya untuk mengadakan kerjasama dengan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) untuk membangunkan infrastruktur sumber air dan sistem pengurusan bagi China. PBAPP merupakan anak syarikat milik penuh PBA Holdings dengan sumber, merawat, mengagih dan menjual air di Pulau Pinang.

Terdahulu pada 27 Mac, satu delegasi dari Biro Kerjasama Perdagangan dan Ekonomi Bandar raya Jinan (JCTECB) dari wilayah Shandong, China, juga melawat Logi Rawatan Air Batu Ferringhi dan Empangan Teluk Bahang.

Penduduk bandar raya Jinan yang berjumlah 6.5 juta orang adalah antara 90 juta penduduk di wilayah Shandong yang mungkin menghadapi masalah kekurangan bekalan air dalam masa yang terdekat.

Dr Koh berkata kumpulan PBA mungkin dapat membekalkan kepakaran untuk membangunkan kemudahan baru bagi rawatan dan pengagihan air di sana.

Beliau berkata kumpulan berkenaan gembira dengan hasrat yang dinyatakan oleh pegawai dari China itu.

"Kami tentunya akan mengadakan perkongsian bagi usaha sama yang berdaya maju di China," kata Dr Koh.

"Dengan mengadakan perkongsian pintar bagi usaha luar, Kumpulan PBA juga akan terus meningkatkan kemampuan teknikalnya dan kemampuan kewangan di Malaysia, katanya.

Tahun lepas, PBAPP menerima anugerah dari Persatuan Air Malaysia (MWA) bagi pengurusan kerana menyediakan 100 peratus bekalan di kawasan bandar dan 99 peratus di kawasan luar bandar, mengekalkan kadar antara yang paling rendah di Malaysia; mengekalkan kerugian bukan perolehan terendah di seluruh negara, mencapai 98 peratus kecekapan kutipan perolehan dan mendapat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM40 juta (bagi tahun 2000). --

BERNAMA

NN/MR SHY NHD